

6,381 laman sesawang disekat

Putrajaya

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) menyekat 6,381 laman sesawang judi dalam talian bagi tempoh antara 2020 hingga akhir 2022.

Dalam stu kenyataan, SKMM memberitahu tindakan menyekat itu diambil berdasarkan kepada permohonan rasmi daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Kenyataan itu memaklumkan sejumlah 212,399 talian telefon termasuk talian mudah alih dan tetap yang menghantar spam SMS meragukan seperti mempromosi judi dalam talian, pinjaman tidak berlesen dan lain-lain juga diamatkan perkhidmatan-

nya bermula 2020 sehinggalah 2022.

“Susulan gesaan sebuah persatuan pengguna agar platform perjudian dalam talian dikawal selia, SKMM ingin memaklumkan kami sentiasa komited dalam menyokong tindakan penguatkuasaan PDRM dalam usaha untuk membanteras kegiatan judi dalam talian yang tertakluk di bawah Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 (Akta 289).

“Dalam hal ini, pihak PDRM menjalankan tindakan dan penguatkuasaan manakala SKMM pula berperanan dalam memberikan

bantuan teknikal kepada PDRM termasuk pembekalan maklumat dan sekatan laman sesawang berunsur perjudian berdasarkan permohonan daripada PDRM,” kata kenyataan itu.

Menurut SKMM, selain tindakan penguatkuasaan (pendakwaan atau sekatan), kesedaran diri, pendidikan serta kawalan sendiri adalah kunci dalam usaha membanteras perjudian dalam talian.

Katanya pengguna secara umum juga boleh memainkan peranan untuk turut sama dalam usaha menyekat aktiviti promosi

judi dalam talian, antaranya dengan melaporkan kepada SKMM promosi iklan-judi diterima melalui SMS supaya pembatalan talian dapat dilaksanakan dengan kerjasama syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi.

“Sekiranya pengguna menerima iklan judi melalui aplikasi pesanan ringkas seperti WhatsApp dan media sosial seperti Facebook, laporkan nombor talian atau akaun media sosial tersebut kepada penyedia perkhidmatan aplikasi atau penyedia platform media sosial supaya nombor atau akaun tersebut tidak dapat menghantar iklan promosi judi dalam talian kepada pengguna lain,” katanya.

“
SKMM
berperanan
memberikan
bantuan teknikal
kepada PDRM
SKMM